



**IRMOHIZAM Ibrahim (depan, tengah) bersama sukarelawan 1M4U Outreach Centre turun padang membantu membersihkan kawasan yang dilanda banjir di Pekan Pahang, semalam.**

## Sukarelawan 1M4U bantu mangsa banjir

PEKAN 21 Dis. - Sukarelawan 1Malaysia For Youth (1M4U) Outreach Centre hari ini turun padang membantu mangsa-mangsa banjir membersihkan kawasan musibah di sekitar Pekan, Pahang.

Mereka terdiri daripada mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Ahli Lembaga Pemegang Ama-

nah yang juga Exco 1M4U, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, beliau berterima kasih atas inisiatif sukarelawan 1M4U yang telah berulang kali datang ke Pekan, Kuantan dan Kemaman dalam usaha memberikan khidmat bakti mereka membantu mangsa banjir.

Katanya, sukarelawan berkenaan yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi universiti tempatan hadir membantu membersihkan kawasan banjir bagi me-

nunjukkan keprihatinan mereka.

"Ini jelas menunjukkan bahawa generasi muda Malaysia sangat prihatin kepada mereka yang dilanda musibah bencana alam.

"Oleh itu, saya juga ingin mengajak semua generasi muda dan rakyat Malaysia untuk menjadi sukarelawan 1M4U dan bersama-sama menggerakkan aktiviti kesukarelaan mengikut cita rasa generasi muda," katanya dalam ke nyataan di sini hari ini.